

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 5/6/2016

Muka surat: 2

Tajuk : Kaedah terbaik atasi banjir diteliti

Kaedah terbaik atasi banjir diteliti

Kerajaan prihatin banjir Kpg Samariang Jaya, sebahagian Wawasan Jaya

Oleh Henrietta Liza

KUCHING: Kerajaan negeri prihatin dengan masalah dihadapi penduduk Kampung Samariang Jaya dan sebahagian Kampung Wawasan Jaya yang sering dilanda banjir apabila air pasang besar setiap bulan.

Menyatakan hal ini, Menteri Muda Pendidikan Awal Kanak-Kanak dan Pembangunan Keluarga Sharifah Hasidah Sayeed Aman Ghazali berkata, kedua-dua kawasan kampung terletak berdekatan dengan sungai dan muara laut.

"Kita mahu melihat kaedah terbaik untuk kita mengelak air pasang daripada menaiki rumah penduduk kampung.

"Bukan kita tidak prihatin tetapi penelitian perlu dilakukan dan kita membawa pasukan UNIMAS bagi membuat kertas cadangan terbaik untuk cuba mengatasi masalah banjir yang melanda penduduk kampung tiap-tiap bulan."

"Jalan raya dinaiki air membabitkan lebih daripada 100 buah rumah ini adalah yang kita cuba atasi, bukan disebabkan masalah perparitan dan sebagainya cuma masalah akibat bencana semula

“Bukan kita tidak prihatin tetapi penelitian perlu dilakukan dan kita membawa pasukan UNIMAS bagi membuat kertas cadangan terbaik untuk cuba mengatasi masalah banjir yang melanda penduduk kampung tiap-tiap bulan.”

Sharifah Hasidah Sayeed Aman Ghazali
Menteri Muda Pendidikan Awal Kanak-Kanak dan Pembangunan Keluarga

jadi dengan kaedah terbaik yang memerlukan sedikit masa membuat kajian mengatasinya," katanya ditemui pada Program Gotong-Royong Perdana KMKK anjuran bersama AJK Surau Nur Hidayah dan Ranting PBB Kampung Wawasan Jaya,



RONDA: Sharifah Hasidah membonceng skuter sambil meronda kawasan kampung bersama 30 belia bermotosikal di Kampung Wawasan Jaya, Samariang semalam.

Samariang semalam.

Menurut beliau, lebih dari pada 100 buah rumah terjejas akibat fenomena setiap bulan itu terutama sekiranya berlaku air pasang besar.

Pada masa sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Samariang itu mencadangkan agar aktiviti gotong-royong dijalankan secara berterusan oleh masyarakat setempat.

Katanya, jika tidak sebulan sekali, tiga bulan sekali atau lima bulan sekali turut memadai bagi melibatkan golongan belia dalam aktiviti sihat itu.

Belia turut berzimpati dengan masalah dihadapi peniaga pasar malam di Uptown Pasar Raya Giant dan menyerahkan 13 kanopi baharu bagi peniaga-

tersebut semalam.

Kemudian Sharifah Hasidah dibawa meronda seluruh kampung menaiki skuter oleh salah seorang belia Kampung Wawasan Jaya.

Pihaknya turut menjalankan kerjasama dengan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Sarawak untuk memerangi dadah habis-habisan.